

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[ HULU TERENGGANU ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 32**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang bakal dan telah diambil dalam memartabatkan kembali tulisan jawi sama ada melalui pendidikan mahupun media massa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan pelbagai langkah sama ada melalui pendidikan mahupun media massa bagi memastikan tulisan jawi dimartabatkan sebagai sejarah warisan negara dan seterusnya diperkasakan dalam kalangan murid berbilang bangsa. Antara langkah tersebut adalah seperti yang berikut, iaitu:

1. memperkenalkan aspek seni bahasa dalam kurikulum mata pelajaran Bahasa Melayu (KSSR) Tahap II iaitu Tahun 4 bermula tahun 2020;
2. menyelaraskan sistem ejaan jawi melalui pengemaskinian Pedoman Umum Ejaan Jawi Bahasa Melayu yang lengkap dengan daftar kata sebagai rujukan;
3. menyediakan ruang penulisan tulisan Jawi dalam majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti Tamadun Islam, Tunas Cipta, Dewan Pelajar dan lain-lain yang boleh disebarluaskan kepada semua murid pelbagai kaum;
4. menghasilkan bahan ilmiah dalam tulisan Jawi seperti Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi, Perkembangan Tulisan Jawi dalam Masyarakat Melayu, Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi dan Panduan Menulis dan Mengeja Jawi;
5. menjalankan kajian berteraskan tulisan Jawi dalam manuskrip lama dari sudut kebahasaan dan kesusasteraan untuk dimanfaatkan oleh masyarakat;
6. melantik Munsyi Dewan (Jawi) dalam kalangan penggiat tulisan Jawi. Sehingga kini, terdapat seramai 51 orang telah dilantik sebagai Munsyi Dewan (Jawi);

**NO. SOALAN : 32**

7. melaksanakan program dan klinik Jawi seperti Kursus Pembinaan Munsyi Dewan (Jawi) dan Kursus Pengkaedahan Jawi Guru KAFA;
8. menyediakan khidmat penyemakan dan pengesahan ejaan tulisan Jawi;
9. menjalinkan kerjasama dengan Majlis Dakwah Negara (MDN), dengan menubuhkan Panel Memperkasa Tulisan Jawi yang bertujuan menyatukan institusi, pertubuhan dan pihak yang berusaha memartabatkan penggunaan tulisan Jawi di negara ini;
10. memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi dalam kurikulum pendidikan Islam sejak pelaksanaan KBSR pada tahun 1982 dan diteruskan lagi dalam pelaksanaan KSSR semakan; dan
11. memperkenalkan Kelab Jawi dan Khat di sekolah sejak tahun 2008 melalui Surat pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 2008 berkaitan Penubuhan Persatuan Bahasa Arab dan Kelab Jawi dan Khat di Sekolah Rendah yang Melaksanakan Program j-QAF.

Bagi memastikan tiada pihak terkeliru dan salah anggap dengan pelaksanaan tulisan jawi di sekolah, KPM sedang mempergiatkan sesi libat urus bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi menjelaskan tujuan sebenar pelaksanaan tulisan jawi di sekolah.

Sekian, terima kasih.